

Newspaper	Berita Harian
Date	6 December 2015

Petani perlu berfikiran global

BH- 6/12/2015



Najib menerima cenderahati daripada Ahmad Shabery pada majlis Sambutan 50 tahun FAMA di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur, semalam, disaksikan Rosmah dan Badruddin (kanan). [FOTO BERNAMA]

» Prasyarat maju sektor pertanian seiring pencapaian negara maju: PM

Oleh Mohd Hamizar Hamid dan Akmal S Manaf
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Golongan petani, penternak dan nelayan tempatan perlu berfikiran global bagi memastikan produk pertanian negara bersaing di peringkat antarabangsa, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, usaha itu perlu dan menjadi prasyarat untuk memajukan sektor

pertanian negara seiring dengan negara maju lain dalam bidang pertanian.

"Sebab itu, kerajaan kini mengambil pendekatan dengan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dan Perjanjian Perkongsi-an Trans-Pasifik (TPPA) kerana kita perlu bersaing dengan negara yang lebih maju.

Mampu bersaing

"Paling penting, kita perlu berjaya dalam persaingan berkenaan," katanya ketika berucap merasmikan Sambutan 50 Tahun Lembaga Pemasaran Pertanian

Persekutuan (FAMA) di sini, semalam.

Yang turut hadir, isteri beliau Datin Seri Rosmah Mansor, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek dan Pengerusi FAMA, Tan Sri Badruddin Amiruddin.

Perlu transformasi

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, golongan petani, penternak dan nelayan juga perlu melalui transformasi yang dulunya golongan berkenaan dikaitkan dengan unsur kemiskinan, kemunduran serta ketinggalan bagaimanapun persepsi itu sudah berubah.

"Hari ini sektor pertanian berubah ke arah lebih moden, dinamik dan lebih progresif.

"Penubuhan FAMA pada 30 September 1965 bertujuan untuk mengubah nasib petani yang ditindas dan tidak memperoleh pendapatan setimpal dengan curahan keringat mereka.

"Di Kedah dulu, sistem 'padi kunca' (orang tengah) menindas petani yang hanya memperoleh sekitar RM12.50 sepikul (50 kilogram) dan harganya meningkat kepada RM25 sepikul selepas kewujudan FAMA," katanya.

Pada majlis sama, Perdana Menteri turut melancarkan laman web agrobazar.com.my, pelancaran francais KopieSatu dan program pinjaman mudah kepada graduan bagi membolehkan mereka menceburi bidang keusahawanan.

Pinjaman berkenaan ditawarkan kepada usahawan dan bakal usahawan bimbingan jabatan atau agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dengan had pinjaman sebanyak RM50,000 seorang.